

Bil. 22

Isnin

24 Ogos 2020



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M. 17]:

- **Status Pusat Pelupusan Sampah
Bukit Payong**
 - *YB. Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh
(Sri Gading)* (Halaman 1)
- **Penyakit Jarang Jumpa**
 - *YB. Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu
(Batu Gajah)* (Halaman 4)

**MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA
Isnin, 24 Ogos 2020**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)
mempengerusikan Mesyuarat]*

**UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

Status Pusat Pelupusan Sampah Bukit Payong

2.34 ptg.

Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh [Sri Gading]:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga Yang Berhormat Menteri. Untuk makluman, pada 21 November 2018, pihak Kerajaan Negeri Johor telah bersetuju untuk membatalkan Projek Pusat Pelupusan Sampah di Bukit Payong. KPKT juga telah bersetuju dengan cadangan itu dan cadangan penamatan kontrak secara *mutual termination* telah dilakukan. Maka, saya ingin mendapatkan penjelasan kepada soalan-soalan berikut:

- (i) walaupun begitu, projek ini diteruskan dengan kaedah WTE;
- (ii) adakah kajian DEIA telah dibuat untuk projek WTE (*waste to energy*) ini;
- (iii) adakah kajian trafik TIA dibuat dengan anggaran lori sampah kenderaan pada setiap hari;
- (iv) adakah Jabatan Warisan Negara telah juga mewartakan Bukit Payong ini sebagai tapak warisan; dan
- (v) mengapakah projek ini dipilih kerana pusat pelupusan sampah ini berada betul-betul di atas Parit Puron yang telah menyebabkan banjir dan pencemaran air di Sungai Simpang Kanan, Batu Pahat.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kajian Tempatan atau timbalannya untuk menjawab.

2.35 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Sri Dr. Hj Ismail bin Abd Muttalib]: *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam Malaysia Prihatin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sri Gading, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, projek Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari (TPSPS) Bukit Payong, Batu Pahat, Johor ini tidak ditamatkan secara *mutual termination*. Cadangan untuk menamatkan kontrak bagi projek ini adalah berdasarkan permohonan daripada kerajaan negeri melalui surat bertarikh 21 November 2018 yang berhasrat untuk membatalkan projek ini. Cadangan tersebut timbul ketika projek ini sedang dalam proses penangguhan, bermula daripada 16 Ogos 2018 sehingga 22 April 2019, selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Johor.

Walau bagaimanapun, setelah meneliti jumlah kos yang telah ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan yang berjumlah RM34.7 juta, tepatnya RM34,663,262.44 sen pada waktu itu serta tuntutan bayaran pampasan kontraktor berjumlah RM20 juta, penamatan kontrak secara *mutual termination* itu tidak diteruskan.

Pembinaan TPSPS Bukit Payong ini adalah untuk menampung sumber sisa pepejal di Wilayah Utara Johor dari 7 kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT). Pada masa ini, pengoperasian Tapak Pelupusan Bukit Bakri di Daerah Muar, Tapak Pelupusan Bekoh di Daerah Tangkak, Tapak Pelupusan Buluh Kasap di Daerah Segamat dan Tapak Pelupusan Maokil di Daerah Labis perlu diteruskan walaupun pengoperasiannya mencemarkan alam sekitar, menerima bantahan penduduk, serta sering berlaku kebakaran.

Pembatalan projek TPSPS Bukit Payong ini tentunya akan menjejaskan pengurusan sisa pepejal di Wilayah Utara Negeri Johor yang pada masa kini mengalami masalah kritikal berikutan tiada pusat pelupusan yang boleh menerima janaan sisa pepejal dari kawasan-kawasan tersebut.

Selain itu, Tapak Pelupusan Ladang CEP di Daerah Simpang Renggam juga telah ditutup pada 26 Mac 2019 dan sisa dari Majlis Perbandaran Batu Pahat, Majlis Perbandaran Kluang, Majlis Daerah Yong

Peng dan Majlis Daerah Simpang Renggam terpaksa dilupuskan di TPSPS Seelong. Ini memberi tekanan kepada TPSPS Seelong kerana tujuan asal TPSPS ini dibina adalah bagi menampung janaan sisa pepejal di Wilayah Selatan negeri Johor sahaja. Secara tidak langsung, menyebabkan jangka hayat TPSPS Seelong menjadi lebih pendek kerana terpaksa menerima sisa pepejal dari PBT di luar Wilayah Selatan.

Bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, kementerian ingin menjelaskan perkara-perkara seperti berikut.

Bagi soalan pertama, pada masa kini, kementerian telah meneruskan projek TPSPS Bukit Payong setelah mendapat persetujuan daripada Kerajaan Negeri Johor secara bertulis pada 25 April 2019. Pembinaan TPSPS Bukit Payong ini akan menjadi sebuah tapak pelupusan sisa pepejal sanitari bersepadu, yang akan dilengkapi dengan sistem rawatan sisa pepejal yang berkonsepkan *waste to energy* (WTE).

Tapak pelupusan masih perlu disediakan bagi menerima sisa baki seperti abu daripada rawatan sisa pepejal. Dengan adanya WTE, jumlah sisa pepejal yang dilupuskan ke tapak pelupusan dapat dikurangkan dan seterusnya dapat memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan serta mengurangkan penerokaan tanah baharu untuk pelupusan sisa pepejal.

Kedua-dua fasiliti ini adalah saling melengkapi bagi memastikan pengurusan sisa pepejal yang mampan dan komprehensif. Proses tender secara *request for proposal* (RFP) bagi pembinaan loji rawatan WTE di Bukit Payong ini telah bermula pada 27 Julai 2020 dan sesi lawatan tapak telah diadakan pada 10 Ogos 2020 yang lalu.

■1440

Kedua, Kajian Terperinci Impak Alam Sekitar ataupun *detailed environmental impact assessment* (DEIA) bagi projek TPSPS Bukit Payong ini telah mendapat kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 11 Mac 2013 manakala DEIA untuk pelaksanaan projek Loji WTE ini akan dilaksanakan oleh syarikat konsesi yang akan dilantik melalui proses RFP. Loji WTE ini hanya akan dibina setelah mendapat kelulusan DEIA dan kelulusan daripada agensi-agensi lain yang berkaitan.

Bagi soalan ketiga, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *traffic impact assessment* (TIA) bagi projek TPSPS Bukit Payong ini telah dilaksanakan pada Januari 2017 manakala bagi projek Loji WTE ini akan dilaksanakan setelah pelantikan syarikat konsesi dibuat.

Bagi soalan keempat, berdasarkan semakan kementerian ini dengan Jabatan Warisan Negara, tapak TPSPS Bukit Payong ini tiada dalam inventori

sebagai tapak warisan dan soalan kelima, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua juga, tapak ini merupakan tapak yang dicadangkan oleh pihak Kerajaan Negeri Johor kepada Kerajaan Persekutuan dan telah dizonkan sebagai Tapak Pelupusan dalam Rancangan Tanah Daerah (RTD) Batu Pahat (Penggubahan) 2002-2020.

Kajian berkaitan aliran Parit Puron ini juga telah dibuat dalam DEIA dan *environmental management plan* (EMP), dengan izin. Selain itu Tuan Yang di-Pertua, keadaan kualiti air juga dipantau melalui laporan *environmental management report* (EMR), dengan izin yang dikemukakan setiap bulan kepada kementerian.

Berkaitan insiden banjir dan pencemaran air, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melaporkan terdapat kejadian banjir pada 1 Disember 2019 yang mana ia merupakan kejadian yang pertama kali berlaku sejak pihak kontraktor memulakan kerja di tapak. Punca utama kejadian banjir adalah rekod bacaan hujan menunjukkan jumlah taburan hujan sebanyak 71mm dan ini membuktikan bahawa keadaan cuaca yang sangat buruk dan di luar jangka semasa kejadian tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain projek ini, terdapat juga aktiviti guna tanah oleh pihak lain di kawasan berdekatan tapak seperti kebun jambu, kebun betik, kebun sayur, kolam katak dan kolam ikan yang berada tidak jauh dari tapak dan berada di kawasan sekitar jajaran Parit Puron.

Selain itu, tapak projek ini mempunyai *erosion and sediment control plan* (ESCP) bagi tujuan kawalan hakisan dan sedimen. Walau bagaimanapun, kementerian tidak mempunyai maklumat sama ada pihak lain yang menjalankan aktiviti di kawasan sekitar untuk mempunyai kaedah kawalan hakisan dan sedimen yang sistematik. Oleh yang demikian, tiada data dan fakta yang dikeluarkan oleh sebarang agensi yang menyatakan projek ini adalah merupakan penyumbang kepada kejadian banjir tersebut. Sekian, terima kasih.

Penyakit Jarang Jumpa

2.43 ptg

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan, datang sendiri untuk menjawab beberapa persoalan berkaitan dengan Penyakit Jarang Jumpa di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mentakrifkan penyakit jarang jumpa juga dikenali sebagai penyakit yatim iaitu ianya diklasifikasikan sebagai penyakit yang dihadapi oleh sebilangan kecil populasi am. Terdapat lebih daripada 6,000 jenis penyakit jarang jumpa. Sebanyak 80 peratus daripada kes penyakit jarang jumpa mempunyai faktor kewarisan manakala selebihnya bukan diwarisi tetapi disebabkan oleh faktor-faktor lain seperti pendedahan kepada elemen persekitaran, tindak balas bahan kimia semasa mengandung, jangkitan dan kanser jarang jumpa.

Lebih kurang 30 peratus pesakit penyakit jarang jumpa mati sebelum mencapai usia lima tahun. Mengikut statistik tahun 2015, sembilan peratus atau 45 juta orang di Asia Tenggara menderita akibat penyakit jarang jumpa. Ini adalah satu jumlah yang agak besar dan memeranjatkan. Justeru itu, ingin saya tujukan beberapa soalan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia:

- (i) apakah definisi penyakit jarang jumpa di Malaysia;
- (ii) apakah polisi kerajaan dalam menangani masalah penyakit jarang jumpa;
- (iii) berapakah jumlah pesakit penyakit jarang jumpa sedang menerima rawatan di hospital-hospital kerajaan dan hospital-hospital swasta;
- (iv) berapakah peruntukan yang disediakan oleh kerajaan untuk membeli ubat-ubatan penyakit jarang jumpa dalam tempoh lima tahun yang lalu;
- (v) apakah penyakit jarang jumpa yang lazim di negara kita;
- (vi) apakah masalah atau kekangan yang dihadapi oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dalam menangani masalah penyakit jarang jumpa;
- (vii) apakah kajian-kajian yang pernah dilaksanakan berkaitan dengan penyakit jarang jumpa di Malaysia; dan
- (viii) adakah hospital-hospital kita mempunyai tenaga pakar dan peralatan yang sesuai untuk mengenal pasti dan merawat penyakit jarang jumpa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memetik kritikan dan cadangan seorang pakar perunding daripada Universiti Malaya Medical Centre, Profesor Dr. Thong Meow Keong yang berkata dengan izin, "*The need for a registry was pressing because there was so little awareness of the diseases. There is a need for reliable data on the actual number of individuals with rare diseases in the country. With proper information, we can plan healthcare needs for them*

and their families and institute preventive and control strategies in line with WHO recommendations to reduce infant mortality”.

Saya rasa telah tiba masa untuk Kementerian Kesihatan Malaysia memberi perhatian yang serius dalam usaha mewujudkan daftar rasmi untuk penyakit jarang jumpa di negara kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat. Minta Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk menjawabnya.

2.47 ptg.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Adham bin Baba]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah definisi penyakit jarang jumpa di Malaysia? Pada 7 Julai 2020 lalu, Kementerian Kesihatan secara rasminya menggunakan definisi penyakit jarang jumpa di Malaysia sebagai dengan izin, *rare disease is defined as a life-threatening and/or chronically debilitating rare condition as listed in the Malaysian Rare Disease List. Criteria for disease inclusion in the Malaysian Rare Disease List.*

- (i) *there are confirmed patients in Malaysia;*
- (ii) *the disease affects fewer than 1 in 4,000 people in Malaysia;*
- (iii) *the disease is a severe condition;* dan
- (iv) *its inclusion is approved by the national advisory committee* iaitu Jawatankuasa Penyakit Jarang Jumpa Kebangsaan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Senarai penyakit jarang jumpa di Malaysia kini dalam fasa akhir pemurnian oleh Program Perkhidmatan Farmasi KKM. Sehingga kini, terdapat 474 kes penyakit jarang jumpa yang telah disenaraikan dalam *Malaysian Rare Disease List* tersebut. Senarai ini akan dikemaskini daripada semasa ke semasa.

Apakah polisi kerajaan dalam menangani masalah penyakit jarang jumpa? Kementerian Kesihatan sentiasa memberi perhatian dan amat prihatin dalam memastikan setiap pesakit penyakit jarang jumpa ini mendapat rawatan yang sempurna demi mengurangkan beban keluarga mereka.

Terdapat pelbagai jenis penyakit jarang jumpa di Malaysia dan rawatannya juga adalah berbeza berdasarkan keperluan masing-masing:

- (i) ada penyakit jarang jumpa yang memerlukan ujian diagnostik dan rawatan sokongan sahaja kerana belum wujud lagi rawatan spesifik;

- (ii) ada penyakit jarang jumpa yang memerlukan rawatan susu khas;
- (iii) ada penyakit jarang jumpa yang lain pula memerlukan ubat-ubatan khas seperti *Lysosomal Storage Disease* yang merupakan salah satu penyakit lazim yang didapati di Malaysia yang memerlukan rawatan *Enzyme Replacement Therapy* dan ubat ini adalah berdaftar di Malaysia; dan
- (iv) kemudahan rehabilitasi dan sokongan seperti terapi cara kerja, fisioterapi dan sebagainya juga disediakan kepada pesakit penyakit jarang jumpa ini yang memerlukannya.

■1450

Berapakah jumlah pesakit penyakit jarang jumpa sedang menerima rawatan di hospital-hospital kerajaan dan hospital-hospital swasta? Pihak Kementerian mempunyai data berkenaan jumlah pesakit yang menerima rawatan seperti makanan susu khas, *orphan drugs*, yatim, ubat yatim dan rawatan menggunakan *Enzyme Replacement Therapy*. Sehingga Julai 2020, jumlah pesakit yang sedang menerima rawatan di hospital-hospital kerajaan adalah seramai 426 orang mengikut jenis penyakit iaitu:

- (i) 180 orang pesakit kategori *Inborn Error of Metabolism* yang memerlukan makanan susu khas;
- (ii) 200 orang pesakit *Inborn Error of Metabolism* yang memerlukan *orphan drugs*; dan
- (iii) 46 pesakit *Lysosomal Storage Diseases* yang memerlukan rawatan dengan *Enzyme Replacement Therapy*.

Berapakah peruntukan yang disediakan oleh kerajaan untuk membeli ubat-ubatan penyakit jarang jumpa dalam tempoh lima tahun yang lalu? Inisiatif kerajaan telah bermula pada tahun 2007, di mana pihak kerajaan telah menyalurkan Peruntukan Khas Perbendaharaan untuk Perkhidmatan Genetik iaitu sebanyak RM15 juta untuk rawatan pesakit dan memantapkan perkhidmatan makmal genetik. Beberapa siri peruntukan telah diterima semenjak tahun 2007 iaitu sehingga kini:

- (i) semenjak tahun 2010 sehingga kini, sebanyak RM8.5 juta diperuntukkan untuk pesakit-pesakit penyakit jarang jumpa yang memerlukan ubat dan susu khas;
- (ii) pada tahun 2018, pihak kerajaan telah memperuntukkan peruntukan khas sebanyak RM10 juta bagi pembelian

rawatan *Enzyme Replacement Therapy* untuk golongan ini;

- (iii) pada tahun 2019, RM16 juta telah diagihkan kepada Hospital Kuala Lumpur untuk merawat pesakit penyakit jarang jumpa yang merangkumi enam orang pesakit lama yang dimulakan rawatannya dari tahun 2018 dan lapan orang pesakit untuk kes-kes baru pada tahun 2019; dan
- (iv) untuk tahun 2020, peruntukan sebanyak RM16.5 juta diluluskan untuk merawat pesakit-pesakit ini yang bukan sahaja terdiri daripada penyakit *Lysosomal Storage Disease* malah penyakit jarang jumpa yang lain seperti *Prader Willi Syndrome*, *Cystinosis* dan sebagainya.

Apakah penyakit jarang jumpa yang lazim di negara kita? Antara penyakit jarang jumpa yang ada di Malaysia adalah seperti penyakit *chromosomal abnormalities*, sindrom-sindrom genetik seperti sindrom *Marfan*, sindrom *Prader Willi*, *Inborn Errors of Metabolism*, *Lysosomal Storage Disease* seperti *Fabry Disease*, *Gaucher Disease*, *Pompe Disease*, *Mucopolysaccharidosis (Type I, II dan VI)*, *Urea Cycle Disorder*, penyakit-penyakit berkaitan *neurology disorder* dan lain-lain lagi.

Apakah masalah atau kekangan yang dihadapi oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dalam menangani masalah penyakit jarang jumpa? Antara cabaran yang paling utama dihadapi oleh pihak kementerian adalah kos rawatan yang sangat mahal.

Seorang pesakit pediatrik memerlukan antara RM500,000 sehingga RM1 juta setahun bagi pembelian ubat seperti *Enzyme Replacement Therapy* itu sendiri. Kos ini akan semakin meningkat dengan peningkatan usia seseorang pesakit kerana dos ubat adalah mengikut berat badan pesakit.

Memandangkan rawatan *Enzyme Replacement Therapy* adalah suatu rawatan yang berterusan, maka rawatan ini tidak boleh diberhentikan kerana komplikasi penyakit ini boleh berulang semula. Oleh itu, jika seseorang pesakit telah dimulakan rawatan *Enzyme Replacement Therapy*, rawatan itu perlu diteruskan sepanjang hayatnya. Rawatan *Enzyme Replacement Therapy* hanya diberhentikan bila terdapat 'non-compliance' atau penyakit menjadi bertambah teruk walaupun diberi rawatan *Enzyme Replacement Therapy*.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, isu *sustainability of funding* memerlukan penelitian lanjut di mana peranan masyarakat, sektor swasta dan NGO perlu juga diperkasa untuk memantapkan penjagaan kesihatan yang saksama bagi pesakit penyakit jarang jumpa di Malaysia. Antara contoh yang

telah dikemukakan adalah *tax exemption*, zakat, sumbangan yayasan amal dan *corporate social responsibility*.

Apakah kajian-kajian yang pernah dilaksanakan berkaitan dengan penyakit jarang jumpa di Malaysia? Pada tahun 2016, Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) telah menjalankan satu kajian rintis bertajuk dengan izin iaitu *Pilot Study of Newborn Screening of Inborn Error of Metabolism Using Tandem Mass Spectrometry in Malaysia* dengan izin, *Outcome and Challenges* di mana insiden untuk kes *inborn Error of Metabolism* di Malaysia ialah 1:2,916.

Adakah hospital-hospital kita mempunyai tenaga pakar dan peralatan yang sesuai untuk mengenal pasti dan merawat penyakit jarang jumpa? Sehingga Julai 2020, terdapat keseluruhan lapan orang pakar perunding genetik di Kementerian Kesihatan Malaysia dan enam pakar perunding kanan genetik di Hospital Kuala Lumpur dan dua orang pakar lagi ditempatkan di Hospital Pulau Pinang semenjak tahun 2019. Pakar-pakar ini juga akan melakukan '*visiting clinic*' untuk Klinik Genetik seperti:

- (i) Hospital Umum Sarawak (2 kali setahun);
 - (ii) Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru (2 kali setahun);
 - (iii) Hospital Sultan Ismail Johor (2 kali setahun);
 - (iv) Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah (2 kali setahun);
- dan
- (v) Hospital Muar (sekali setahun).

Pesakit-pesakit ini akan dirujuk kepada pakar perunding kanak-kanak yang khusus bagi bidang genetik di Hospital Kuala Lumpur yang merupakan pusat rujukan untuk kes-kes penyakit jarang jumpa ini untuk menerima rawatan selanjutnya. Selain itu, perkhidmatan-perkhidmatan makmal genetik juga telah diwujudkan di Hospital Kuala Lumpur pada tahun 2007 lagi dan kini dipertingkatkan lagi di Hospital Tunku Azizah bagi memantapkan perkhidmatan ujian diagnostik untuk penyakit jarang jumpa ini.

Pihak kementerian telah memberi perhatian serius dalam menangani penyakit jarang jumpa ini melalui beberapa platform seperti telah menyediakan:

- (i) Kerangka Kebangsaan Berkaitan Penyakit Jarang Jumpa di Malaysia dengan izin, *National Framework for Rare Disease In Malaysia*;
- (ii) Menubuhkan Jawatankuasa Penyakit Jarang Jumpa Kebangsaan dan telah memasukkan program penyakit jarang jumpa ini ke dalam *Strategic Framework of the*

Medical Program 2021-2025 yang merangkumi 3 perkara iaitu:

- (i) definisi penyakit jarang jumpa di Malaysia;
- (ii) senarai penyakit jarang jumpa di Malaysia; dan
- (iii) penubuhan *expert group* untuk pelbagai jenis penyakit jarang jumpa.

Kesemua platform ini bertujuan untuk mengintegrasikan pengurusan penyakit jarang jumpa di Malaysia. Pengintegrasian pengurusan penyakit jarang jumpa secara komprehensif dan holistik ini melibatkan advokasi dan pendidikan kesihatan kepada orang awam, saringan dan pendiagnosaan pesakit, pengurusan klinikal, sistem rujukan, pengumpulan data dan registri serta penyelidikan berkaitan penyakit jarang jumpa.

Akhir sekali, melalui kerangka kebangsaan dan pelan strategik ini juga, ia akan digunakan untuk menggubal polisi, program, strategi dan intervensi berkaitan penyakit jarang jumpa di Malaysia.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan itu tamatlah ucapan di bawah Usul Berkenaan Perkara-perkara Tadbir Kerajaan pada hari ini. Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Selasa, 25 Ogos 2020.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.57 petang]